

TERMA & SYARAT INISIATIF BIMBINGAN HALAL

Maybank Islamic Berhad ("Bank", "kami", "milik kami") (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) dengan kerjasama rakan strategik, Synxsoft Sdn Bhd ("SSB") (No. Pendaftaran Syarikat 202101000352 / 1400650-A) menyediakan satu Inisiatif Bimbingan Halal ("Inisiatif") melalui rujukan kepada Platform CoreHalal ("Platform CoreHalal").

Dengan menyertai Inisiatif ini, para Pelanggan (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini serta keputusan yang dibuat oleh Bank. Inisiatif ini akan bermula pada 20 September 2023 dan akan terus berkuat kuasa sehingga ditamatkan oleh Bank.

1. DEFINISI

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, terma-terma berikut hendaklah, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya, mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan di bawah:–

"Pindaan" merujuk kepada sebarang perubahan, penambahan, penghapusan, pengubahsuaian atau pindaan yang akan mengikat anda.

"Bank", "kami", "milik kami" merujuk kepada Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411).

"Bank Negara Malaysia" atau "BNM" bermaksud Bank Pusat Malaysia.

"Akaun Perbankan" bermaksud semua jenis akaun deposit termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun simpanan, akaun semasa serta semua akaun lain yang diselenggarakan oleh anda dengan Bank.

"Waktu Perniagaan" merujuk kepada waktu operasi antara jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat.

"Platform CoreHalal" merujuk kepada sebuah platform digital yang menyediakan penyelesaian "Taqyim".

"Pelanggan" merujuk kepada syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mengekalkan pembiayaan atau akaun deposit dengan Bank.

"Keadaan Force Majeure" bermaksud kejadian atau situasi di luar kawalan Bank yang menghalang Bank daripada beroperasi seperti biasa dan berterusan selama tiga (3) bulan atau lebih termasuk:–

- (a) gempa bumi, banjir, kebakaran, wabak penyakit, pandemik dan bencana alam lain; dan/atau
- (b) keganasan, rusuhan, kekacauan awam atau gangguan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak) dan mogok.

“Halal” bermaksud “perkara-perkara yang dibenarkan dan sah di sisi Islam” menurut Undang-undang Syariah. Produk atau perkhidmatan Halal memberikan jaminan bahawa ia mematuhi tahap kesucian dan kualiti tertentu. Halal bukan sahaja berasaskan kepercayaan, tetapi juga kebersihan serta piawaian etika yang mampan.

“Bimbingan Halal” bermaksud melancarkan perjalanan Halal anda melalui rujukan kepada platform Taqyim bagi penilaian tahap kesediaan Halal.

“Industri Halal” merujuk kepada industri-industri berkaitan yang telah dipilih oleh Bank bagi Inisiatif ini iaitu Makanan dan Minuman, Farmaseutikal dan Kosmetik.

“JAKIM” merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

“JAIN” merujuk kepada Jabatan Agama Islam Negeri.

“Maybank” bermaksud Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 196001000142).

“Kumpulan Maybank” bermaksud, secara kolektif, Bank, syarikat-syarikat sekutunya serta mana-mana syarikat berkaitan Bank termasuk syarikat bersekutu Bank atau syarikat induknya.

“MYeHALAL” merujuk kepada platform digital yang dimiliki dan diuruskan oleh JAKIM bagi memudah cara serta meluluskan permohonan pensijilan Halal di Malaysia.

“PDPA” merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan menurutnya.

“PKS” merujuk kepada perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang diklasifikasikan sebagai “Mikro”, “Kecil” atau “Sederhana” seperti yang ditakrifkan oleh SME Corporation Malaysia, yang ditentukan berdasarkan jumlah jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, mengikut mana yang lebih rendah.

“SSB” merujuk kepada Synxsoft Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat: 202101000352 / 1400650-A), penyedia platform CoreHalal.

“Taqyim” merujuk kepada suatu penyelesaian yang terdapat pada platform dalam talian CoreHalal yang dimiliki dan diuruskan oleh SSB, di mana anda dikehendaki menjawab satu set soalan bagi menilai tahap kesediaan anda untuk memohon pensijilan Halal.

“Terma dan Syarat” merujuk kepada terma dan syarat ini, sebagaimana yang boleh dipinda atau ditambah dari semasa ke semasa oleh Bank selaras dengan dokumen ini.

2. TERMA DAN SYARAT AM

- 2.1 Anda mestilah terlebih dahulu mempunyai nama pengguna dan kata laluan yang sah untuk mengakses platform CoreHalal.

- 2.2 Kami berhak untuk membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini tanpa perlu memberikan sebarang alasan.
- 2.3 Anda dinasihatkan untuk menghubungi Unit Halal kami di talian 03-2295 8888 (sambungan 3741 / 8902) atau anda juga boleh menghantar pertanyaan melalui e-mel ke halal@maybank.com sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau penjelasan berhubung Inisiatif ini.
- 2.4 Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Inisiatif ini secara keseluruhan atau sebahagian, serta berhak untuk mengubah suai atau meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini yang tidak bercanggah dengan Prinsip Syariah, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Notis tersebut akan dipaparkan melalui laman web Maybank2u di maybank.my/halal2u atau melalui mana-mana saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 2.5 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pengubahsuaian, variasi atau pelanjutan Inisiatif ini tidak akan melayakkan Pelanggan untuk membuat sebarang tuntutan pampasan terhadap Bank bagi apa-apa dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pengubahsuaian, variasi atau penamatan Inisiatif ini.
- 2.6 Kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk sekalipun, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Taqyim.
- 2.7 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya secara peribadi ke atas semua cukai, kadar, cukai kerajaan, fi kerajaan atau apa-apa caj yang mungkin dikenakan ke atas Pelanggan, jika ada, yang berkaitan dengan Inisiatif ini. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Bank tidak mengenakan sebarang fi atau caj bagi Inisiatif ini.

3. FI & CAJ

- 3.1 Tiada sebarang fi atau caj akan dikenakan oleh Bank bagi penyertaan dalam Inisiatif ini.

4. TUJUAN BIMBINGAN HALAL

- 4.1 Tujuan Bimbingan Halal adalah untuk membantu anda melancarkan proses permohonan pensijilan Halal daripada JAKIM.

5. PENGISYTIHARAN

- 5.1 Anda dengan ini mengisytiharkan dan berjanji kepada Bank bahawa:–
- 5.1.1 anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk tertakluk kepada Penyata Privasi Kumpulan Maybank serta dengan nyata memberi persetujuan dan kebenaran kepada Kumpulan Maybank:–
- (a) untuk memohon dan mendapatkan semua maklumat dan data peribadi bagi tujuan memproses permohonan ini serta semua tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan Maybank;
 - (b) untuk mengumpul dan memproses data peribadi sensitif anda bagi tujuan permohonan ini (jika berkenaan).
- 5.1.2 maklumat yang diberikan oleh anda kepada Bank adalah benar dan tepat, dan anda membenarkan Bank untuk mengesahkan maklumat tersebut dengan mana-mana pihak dan menggunakan mana-mana sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank;
- 5.1.3 anda bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan atau sedang digulungkan (*wound-up*) dan bahawa tiada sebarang perkara ketidakmampuan (*insolvency Matter*) telah dimulakan terhadap anda di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain;
- 5.1.4 anda bersetuju terhadap pendedahan maklumat oleh Bank di bawah Klausa 8 (Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi);
- 5.1.5 anda telah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dan telah memperoleh persetujuan yang berkaitan daripada semua Individu berhubung dengan pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka.

Dengan memberikan persetujuan di halaman log masuk, anda selanjutnya mengesahkan bahawa semua data peribadi yang telah anda berikan adalah benar, terkini dan tepat. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap mana-mana data peribadi anda, anda hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta.

6. KELAYAKAN

- 6.1 Untuk menyertai Inisiatif ini, anda mestilah memenuhi semua kriteria berikut:–
- 6.1.1 Syarikat PKS yang berdaftar dengan:–
- (a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / Akta Syarikat 1965/2016 / Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; atau
 - (b) mana-mana badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional;
- 6.1.2 terlibat dalam perniagaan yang berkaitan dengan pengeluaran atau pengendalian produk atau perkhidmatan Halal sebagaimana ditentukan mengikut keperluan JAKIM;
- 6.1.3 beroperasi dalam industri Halal untuk tempoh minimum dua belas (12) bulan;
- 6.1.4 belum lagi merupakan syarikat yang diperakui Halal;
- 6.1.5 mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu produk yang diwajibkan untuk mendapatkan pensijilan Halal di bawah JAKIM/JAIN;
- 6.1.6 merupakan pelanggan Bank yang mengekalkan Akaun Semasa Perniagaan patuh Syariah dengan kami.

7. PENYERTAAN INISIATIF BIMBINGAN HALAL

- 7.1 Anda boleh menyertai Inisiatif ini dengan mengklik pada halaman M2U/M2U.Biz di maybank.my/halal2u Kami kemudiannya akan merujuk anda kepada Taqyim bagi penilaian tahap kesediaan Halal anda.
- 7.2 Melalui Taqyim, anda dikehendaki menjawab satu set soalan yang berkaitan dengan perniagaan Halal anda.
- 7.3 Keputusan Taqyim akan dihantar kepada anda melalui mel elektronik (e-mel) dalam tempoh 48 jam selepas tarikh penghantaran.
- 7.4 Bank akan menghubungi dan membimbing anda berdasarkan penilaian tahap kesediaan Halal anda serta mengesyorkan sebarang pembiayaan kepada anda jika berkenaan, tertakluk kepada proses penilaian dan kelulusan standard Bank.

- 7.5 Sekiranya anda didapati bersedia untuk pensijilan Halal berdasarkan penilaian Taqyim, Bank akan membantu anda dalam proses permohonan Halal ke MYeHALAL. Bantuan Bank akan disediakan melalui panggilan telefon, mesyuarat Zoom atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 7.6 Anda hendaklah bersetuju untuk mematuhi PDPA dan Terma dan Syarat semasa log masuk ke halaman M2U/M2U.Biz di maybank.my/halal2u

8. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI

- 8.1 Kecuali bagi tujuan pemasaran dan/atau jualan silang, anda dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi anda yang anda berikan kepada atau yang telah diperoleh oleh Bank mengenai anda.
- 8.2 Dengan menyertai Inisiatif ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta bersetuju dan memberi kebenaran untuk data peribadi anda dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Pernyataan Privasi Maybank yang boleh dilihat di maybank.my/halal2u ("Pernyataan Privasi Maybank") dan Borang PDPA yang berkaitan yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma-terma dalam Pernyataan Privasi Maybank dan Borang PDPA, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran bahawa data peribadi atau maklumat mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank bagi tujuan:-
- (a) pelaksanaan Inisiatif; dan
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau bahan dan media publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk, tanpa had, penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta maklum balas dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, Pelanggan bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Bank yang berkaitan dengan Inisiatif ini.

Nota : "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

- 8.3 Dari semasa ke semasa, entiti lain dalam Kumpulan Maybank atau ejen-ejen kami atau rakan strategik atau pihak ketiga lain (secara kolektifnya, "Entiti Lain") mungkin mempunyai maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan promosi yang mungkin menarik minat anda. Untuk menerima maklumat tersebut, persetujuan anda diperlukan bagi membolehkan kami memproses, mendedahkan dan/atau berkongsi maklumat/data anda dengan Entiti Lain.
- 8.4 Pernyataan Privasi Data Peribadi Kumpulan Maybank, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, adalah dirujuk dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini. Ia akan terpakai kepada semua data peribadi anda yang diberikan kepada Bank atau kepada entiti dalam Kumpulan Maybank. Anda boleh mengakses salinan pernyataan privasi tersebut di www.maybank2u.com.my atau memperoleh salinan daripada mana-mana cawangan Maybank.
- 8.5 Persetujuan anda di bawah perenggan ini akan terus berkuat kuasa walaupun selepas kematian, ketidakmampuan, kebangkrapan, atau penamatan Terma dan Syarat ini.

9. HAD LIABILITI

- 9.1 Bank tidak akan mengambil sebarang peranan sebagai penasihat, peguam, ejen atau perunding bagi pihak Pelanggan dalam mendapatkan pensijilan Halal daripada JAKIM.
- 9.2 Peranan kami adalah terhad semata-mata untuk memudah cara dan membantu anda mendapatkan pensijilan Halal melalui rujukan kepada Taqyim.
- 9.3 Bank tidak menjamin, memberi jaminan atau mengesahkan kelulusan pensijilan Halal dan kelulusan tersebut adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak JAKIM serta syarat-syarat berkaitan yang dikenakan atau akan dikenakan oleh JAKIM dari semasa ke semasa.
- 9.4 Bank tidak akan melaksanakan mana-mana fungsi, peranan dan tanggungjawab SSB sebagai penyedia platform Taqyim. Sebarang perkara atau isu yang berkaitan dengan Taqyim adalah di bawah tanggungjawab dan liabiliti SSB sepenuhnya.
- 9.5 Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua perkara pentadbiran dalam mendapatkan pensijilan Halal daripada JAKIM. Ia adalah tanggungjawab anda sepenuhnya sebagai pemohon.

- 9.6 Selain itu, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap:-
- (a) sebarang kelewatan atau kegagalan dalam pelaksanaan di bawah terma dan syarat ini yang berpunca daripada keadaan di luar kawalan Bank, termasuk banjir, kemarau, kebakaran, kemalangan, letupan, sabotaj, embargo, kerosakan peralatan, kegagalan talian komunikasi, kegagalan bekalan elektrik, sekatan masuk (lockout), mogok, kemalangan yang tidak dapat dielakkan, bencana alam, keganasan atau ancaman keganasan, rusuhan, peperangan, atau sebarang penggubalan, pengeluaran atau penguatkuasaan undang-undang, ketetapan, peraturan, perintah atau dekri kerajaan yang menjejaskan, atau apa-apa kecemasan lain yang menghalang Bank daripada beroperasi seperti biasa;
 - (b) sebarang penipuan atau perlakuan tidak jujur oleh mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penggodaman dan pancingan data (phishing);
 - (c) sebarang kelewatan akibat proses audit JAKIM/JAIN dan pengeluaran pensijilan Halal oleh JAKIM.
- 9.7 Bank tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan bahawa anda akan mempunyai akses yang berterusan atau tanpa gangguan kepada Taqyim atau bahawa mana-mana fungsi platform tersebut adalah bebas daripada ralat atau bahawa tiada sebarang kerosakan akan berlaku kepada sistem komputer anda. Bank juga tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan berhubung platform tersebut, termasuk tanpa had kepada prestasi, kandungan atau fungsinya.
- 9.8 Bank serta pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan Inisiatif ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan atas sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Inisiatif ini kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau peninggalan oleh Bank.
- 9.9 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran terhadap kewajipannya di bawah Inisiatif ini akibat mana-mana peristiwa force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, perbuatan peperangan, mogok, rusuhan, sekatan masuk (lockout), tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit dan pandemik atau sebarang peristiwa dan keadaan apa jua sifatnya yang berada di luar kawalan munasabah Bank.

10. KESELAMATAN

- 10.1 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk melindungi akses keselamatan platform CoreHalal anda dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang perlu bagi melindungi akses keselamatan platform CoreHalal tersebut.
- 10.2 Anda juga bertanggungjawab ke atas semua akses dan penggunaan akses keselamatan platform CoreHalal sama ada dibenarkan oleh anda atau sebaliknya.

11. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR DAN BIDANG KUASA

- 11.1 Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Dengan menyertai Inisiatif ini, anda dengan ini bersetuju terhadap bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia bagi semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan platform ini. Bank tidak membuat sebarang pernyataan bahawa bahan, maklumat, fungsi dan/atau perkhidmatan yang disediakan di CoreHalal adalah sesuai atau tersedia untuk digunakan di bidang kuasa selain Malaysia.
- 11.2 Sekiranya mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini ditentukan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang yang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada penafian jaminan dan had liabiliti yang dinyatakan di atas, maka peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut hendaklah dianggap digantikan dengan peruntukan yang sah dan boleh dikuatkuasakan yang paling hampir mencerminkan maksud peruntukan asal, dan baki Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa sepenuhnya.

12. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

- 12.1 Bank berhak untuk menambah, meminda atau memadam mana-mana Terma dan Syarat ini sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank dan yang tidak bercanggah dengan Prinsip Syariah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu sebelum pelaksanaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan boleh diterbitkan melalui halaman M2U dan/atau melalui mana-mana saluran komunikasi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank. Dalam keadaan di mana perubahan dibuat selaras dengan undang-undang atau peraturan, notis dalam tempoh yang lebih singkat atau notis serta-merta akan diberikan kepada anda.

13. PERTANYAAN DAN ADUAN

- 13.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, maklum balas, aduan dan/atau pertikaian yang berkaitan dengan Inisiatif ini, anda hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Unit Halal Bank di talian 03-2295 8888 (sambungan 8902 / 3741) atau anda juga boleh menghantar pertanyaan melalui e-mel ke : halal@maybank.com
- 13.2 Bank akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memberikan maklum balas terhadap pertanyaan serta menyelesaikan sebarang masalah atau isu yang dibangkitkan oleh anda.
- 13.3 Anda hendaklah menyatakan sifat pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian anda serta butiran atau maklumat lain yang mungkin diperlukan oleh Bank, dan aduan dan/atau pertikaian tersebut akan dikendalikan dan/atau diselesaikan selaras dengan prosedur dalaman pengendalian aduan dan penyelesaian pertikaian Bank.
- 13.4 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, untuk sebarang pertanyaan, maklum balas, aduan dan/atau pertikaian sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan CoreHalal, sila hubungi SSB melalui talian khidmat pelanggan di 088 – 384 937 atau e-mel ke : info@synxsoft.com.

-----TAMAT-----